



TUN MAHATHIR Mohamad yang diiringi oleh Dr. Lin See Yan (kanan) dan G. Ganalingam (dua dari kiri) bersalaman dengan bekas penuntut Harvard sebaik sahaja tiba di majlis makan malam Kelab Harvard di Sunway Hotel, Kuala Lumpur, semalam.

Um-15/6/2004: 29

Kita boleh membangun tanpa globalisasi – Mahathir

Oleh HATA WAHARI

PETALING JAYA 14 Jun – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia boleh membangun dan maju walaupun tanpa globalisasi.

Bagaimanapun beliau berkata, jika negara ini tidak melibatkan diri dalam globalisasi, Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) akan mengambil tindakan terhadap negara ini.

“WTO mungkin akan merosakkan ekonomi, meningkatkan tarif atau mengenakan sekatan ekonomi terhadap Malaysia.

“Malaysia terpaksa menerima globalisasi walaupun ia akan menyebabkan kehilangan hak dan

memberi kesan buruk kepada negara,” katanya dalam ucapan pada majlis makan malam Kelab Alumni Harvard Malaysia bertajuk “*Menguasai Realiti Globalisasi: Jalan Ke Hadapan Ke 2020*” di sini, hari ini. Turut hadir ialah Presiden Kelab Harvard Malaysia, Tan Sri Dr. Lin See Yan dan Presiden Kelab Alumni Sekolah Perniagaan Harvard, Tan Sri G. Ganalingam.

Katanya, walaupun Malaysia agak memilih dalam menerima pelaburan asing, negara ini sentiasa terbuka kepada syarikat antarabangsa.

Untuk menghadapi cabaran globalisasi, Malaysia perlu bekerjasama dengan negara-negara

membangun untuk bersaing dengan adil.

“Negara-negara membangun juga perlu diberi masa untuk membangunkan industri secara lebih kompetitif.

“Negara-negara membangun juga perlu memastikan persaingan yang adil terutama dari segi kekuatan, pembukaan pasaran dan pembangunan serta syarat-syarat kepada pelaburan asing,” katanya.

Jelas beliau, terdapat banyak cara untuk memastikan bahawa semua negara yang menerima globalisasi dapat bersaing dengan adil seperti mengenakan cukai terhadap syarikat antarabangsa atau negara maju.